

15 Ogos 2016

KENYATAAN MEDIA

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

KERJA-KERJA PAIP DIJALANKAN SEMALAMAN BAGI MENAMBAH BAIK BEKALAN AIR KE KAWASAN SELATAN PULAU PINANG

- **Kerja-kerja penyambungan paip di Lebu Sungai Ara 1, Jalan Bayan Lepas dan Jalan Permatang Damar Laut.**
- **Gangguan bekalan air berjadual selama 10 jam di kawasan selatan bahagian pulau, dari jam 10.00 malam Sabtu, 20/8/2016, sehingga 8.00 pagi Ahad, 21/8/2016.**

PULAU PINANG, Isnin (15/8/2016): Kerja-kerja penyambungan paip akan dijalankan di 4 lokasi di Lebu Sungai Ara 1, Jalan Bayan Lepas dan Jalan Permatang Damar Laut pada hujung minggu ini.

Skop kerja meliputi:

- Penyambungan 900mm x 900mm di Lebu Sungai Ara 1, untuk menambah baik bekalan air dan memenuhi permintaan air di Bayan Lepas, Teluk Kumbar, Gertak Sanggul dan Balik Pulau pada masa hadapan; dan
- Tiga (3) penyambungan 600mm untuk membolehkan projek naik taraf dan pelebaran jalan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di Jalan Bayan Lepas dan Jalan Permatang Damar Laut.

Apabila siap, ia akan memberi manfaat kepada hampir 30,000 pengguna air berdaftar.

Dengan penyambungan itu, ia akan memudahkan PBAPP untuk menghadapi unjuran permintaan air pada masa hadapan dan

meminimumkan risiko kekurangan air atau catuan air ketika musim kemarau kelak.

Gangguan bekalan air selama 10 jam di kawasan dari Sungai Tiram hingga ke Gertak Sanggul (dari 10.00 malam Sabtu sehingga 8.00 pagi Ahad)

Kerja-kerja berkenaan dijadual dilaksanakan pada malam hari, hujung minggu, bagi meminimumkan kemungkinan kesan ekonomi dan mengelak permintaan air pada waktu puncak.

Selain itu, kerja-kerja di 4 lokasi itu akan dijalankan secara serentak bagi memastikan tempoh henti bekalan yang minimum.

Bekalan air bagi 15,000 pengguna air berdaftar di kawasan-kawasan berikut akan terjejas daripada penutupan berjadual itu iaitu:

- Sungai Tiram ke Pekan Bayan Lepas;
- Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang;
- Simpang Permatang Damar Laut ke Kampung Seronok/Kampung Binjai; dan
- Simpang Permatang Damar Laut ke Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul.

PBAPP menasihatkan pengguna-pengguna di kawasan-kawasan itu agar menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan semalaman, dari jam 10.00 malam, 20/8/2016 sehingga 8.00 pagi 21/8/2016.

Pengguna jalan raya juga dinasihatkan agar berhati-hati apabila menggunakan Lebuh Sungai Ara 1, Jalan Bayan Lepas and Jalan Permatang Damar Laut pada waktu tersebut.

Harap maklum bahawa perkhidmatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang TIDAK terjejas. Kami akan bekerjasama dengan pihak berkuasa lapangan terbang untuk memastikan takungan air lapangan terbang diisi secukupnya sebelum kerja-kerja bermula.

Bekalan air ke **kawasan Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas juga TIDAK akan terjejas.**

Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul. Kerja-kerja bekalan air ini adalah perlu bagi memastikan bekalan air yang baik dan berterusan di Pulau Pinang pada masa hadapan.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my